



**ATURAN-ATURAN  
KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN  
BANK MUAMALAT (M) BERHAD**

**ATURAN AKTIVITI ALK**

**ATURAN AKTIVITI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI  
KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
(KOPUTRA)**

**SUSUNAN ATURAN AKTIVITI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

- 1. Nama**
- 2. Tafsiran**
- 3. Tujuan**
- 4. Sumber Kewangan**
- 5. Kemudahan ALK**
- 6. Pindaan Aturan**
- 7. Pertikaian**

1. Aturan ini adalah dinamakan "Aturan Aktiviti Anggota Lembaga" KOPUTRA.

Nama

Aturan ini diwujudkan menurut Undang-undang Kecil 9 (3) KOPUTRA dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

2. Melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya di dalam aturan ini maka :-

Tafsiran

"Akta" ertinya Akta Koperasi 1993;

"Aturan" ertinya Aturan Aktiviti Anggota Lembaga KOPUTRA" dan sebarang pindaan dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

"ALK" ertinya Anggota Lembaga KOPUTRA.

"Elaun" ertinya apa-apa bayaran yang dibayar oleh KOPUTRA kepada Anggota Lembaga KOPUTRA.

"MAPT" ertinya Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

"UUK" ertinya Undang-undang Kecil KOPUTRA.

3. Tujuan aturan ini diwujudkan adalah untuk memberi garis panduan dalam menentukan kadar bayaran tugas-tugas rasmi ALK dan pembayaran honorarium sebagaimana di bawah ini :-

Tujuan

(a) Tuntutan elaun sebagaimana jadual elaun Anggota Lembaga KOPUTRA seperti di lampiran 1.

(b) Had pembayaran Honorarium adalah berdasarkan GP 22 (SKM). Kaedah pembayaran honorarium kepada ALK adalah berdasarkan kepada jumlah kehadiran seseorang ALK dalam Mesyuarat Bulanan ALK dan Mesyuarat KHAS ALK mengikut tempoh sesi perlantikan.

4. Sumber Kewangan bagi pembayaran elaun ALK dan Honorarium adalah seperti berikut :- **Sumber Kewangan**

- (a) Bayaran elaun ALK adalah diambil daripada peruntukan tahunan yang diluluskan dalam MAPT.
- (b) Bayaran Honorarium pula diperoleh daripada peruntukan keuntungan bersih KOPUTRA yang diluluskan oleh MAPT dan tertakluk kepada kelulusan SKM.

5. Kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh ALK adalah seperti berikut :- **Kemudahan ALK**

- i) Telefon Bimbit beserta pakej bulanan dari syarikat telekomunikasi yang dipilih. Tempoh pakej dan pertukaran adalah setiap dua (2) tahun sekali.
- ii) Komputer Riba – setiap komputer riba yang diberi adalah aset KOPUTRA
- iii) Sekiranya ALK telah tamat tempoh, segala kemudahan telefon bimbit dan komputer riba perlu dipulangkan semula kepada pengurusan namun tertakluk kepada budi bicara dan keputusan ALK.

6. Sebarang perubahan dan pindaan perlu dibawa dan dibentangkan dalam MAPT untuk kelulusan dan ianya perlu dimaklumkan kepada anggota melalui resolusi pekeliling anggota. **Pindaan Aturan**

7. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada SKM menurut UUK 81 (1) KOPUTRA. **Pertikaian**

Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPUTRA Kali Ke 29 pada 9 Mei 2015.

  
.....  
**Pengerusi**

  
.....  
**Setiausaha**

  
.....  
**Bendahari**

**LAMPIRAN 1****SENARAI ELAUN-ELAUN ALK**

<b>BIL</b>	<b>ELAUN</b>	<b>JUMLAH RM</b>
1	Pengerusi, Setiausaha & Bendahari (bulanan)	500.00
2	Anggota Lembaga Koperasi (bulanan)	300.00
3	Khidmat Rasmi ALK	100.00
4	Mesyuarat ALK	200.00
5	Makan (Kerja Luar)	45.00/hari
6	Perjalanan ALK	0.70/km
7	Penginapan ALK	
	i. Dengan Resit	200.00
	ii. Tanpa Resit	80.00
8	Mesyuarat Biro	100.00
9	Cuti Bekerja	100.00
10	Kursus ALK	70.00
11	Bil Telefon (bulanan)	150.00